


## **1.0 KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

---



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA:

NO. SEBUT HARGA : APMM/PB/02/2022

TAJUK SEBUT HARGA : SEBUT HARGA KERJA-KERJA UBAH SUAI DAN NAIK TARAF  
RUANG PEJABAT DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAHAGIAN  
PASUKAN TINDAKAN KHAS APMM DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), memegang Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:-

KOD BIDANG PENDAFTARAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH & MASA TUTUP SEBUT HARGA	TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA
Gred G1  Kategori B Pembinaan Bangunan pengkhususan  B24 (Kerja penyenggaraan bangunan) <b>DAN</b> B28 (Kerja Ubahsuai)  <b>DAN</b>  Beralamat/Berdaftar di <b>Daerah Klang</b> sahaja dibenarkan menyertai kerja- kerja sebut harga ini.	<b>Tempat Taklimat:</b> HOUHUA Development Co. Sdn. Bhd, PT 816, Persiaran Raja Muda Musa, 42000 Port Klang, Klang, Selangor  <b>Tarikh : 15 Julai 2022</b>  <b>Hari: Jumaat</b>  <b>Masa : 1000 Pagi</b>  <b>Kehadiran WAJIB</b>	<b><u>Tarikh tutup sebut harga:</u></b>  <b>Tarikh: 22 Julai 2022</b>  <b>Hari: Jumaat</b>  <b>Masa : Sebelum jam 12.00 PM</b>  Dokumen sebut harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan	Peti Sebut harga, Tingkat 7, Bahagian Pembangunan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, One IOI Square, IOI Resort, 62502 Putrajaya.  Dokumen sebut harga dalam bentuk (Salinan cetak) yang telah diisi dengan lengkap perlu dihantar secara manual dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermetri dengan nombor sebut harga APMM/PB/02/2022

1. Taklimat dan lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas. Bagi maksud ini, pihak kontraktor dikehendaki melakukan **ujian saringan Covid-19 sehari** sebelum lawatan tapak dan perlu mengemukakan bukti ujian saringan di kaunter pendaftaran. Hanya kontraktor yang lulus ujian saringan sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak.
2. Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan CIDB sahaja boleh menghadiri lawatan tapak dan taklimat Sebut harga. Hanya kontraktor yang menyertai taklimat dan lawatan tapak sahaja layak untuk dipertimbangkan untuk diterima.
3. Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih berkuatkuasa semasa pendaftaran dan lawatan tapak untuk sebut harga ini. Jika tempoh telah tamat pihak kontraktor tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga.
4. Borang/Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi setelah penyebutharga berdaftar di Bahagian Pembangunan, Tingkat 7, One IOI Square, IOI Resort, 62502 Putrajaya dari tarikh **15 Julai 2022 hingga 22 Julai 2022**.
5. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.

.....  
Tandatangan

Nama :

Jawatan :

Tarikh :